

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 MARCH 2017

## Dr. M terdesak, rayu ahli UMNO sertai PPBM

**HULU TERENGGANU 17 Mac** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kelihatan semakin terdesak apabila secara terbuka merayu pemimpin dan ahli UMNO agar segera meninggalkan parti untuk sama-sama menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Dalam satu ceramah yang julung kali diadakan di negeri ini, Pengerusi PPBM itu tergamak menuduh pemimpin dan ahli UMNO, iaitu parti yang pernah diterajuinya pada suatu ketika dahulu dengan gelaran-gelaran yang tidak baik seperti pencuri.

“Saya merayu kepada pemimpin dan ahli UMNO agar tinggalkan parti untuk bersama-sama kita bagi memas-



**DR. MAHATHIR MOHAMAD**

um-18/3/2017  
takan UMNO serta kerajaan BN (Barisan Nasional) tewas dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14),” katanya.

Dr. Mahathir berucap dalam program Bicara Negarawan anjuran PPBM di Pekan Ajil dekat sini malam tadi yang dihadiri kira-kira 3,000 orang.

Yang turut hadir isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin; timbalannya, Datuk Seri Mukhriz Tun Dr. Mahathir; Pengerusi PAN Terengganu, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad dan Ketua PPBM Bahagian Kuala Nerus, Datuk Razali Idris.

Walau bagaimanapun, tiada kelibat pemimpin Pas dalam majlis yang berlangsung kira-kira dua jam bermula pukul 10 malam itu.